



TEKS UCAPAN ALUAN

**YANG BERHORMAT
DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI**

MENTERI KERJA RAYA

SEMPENA

**SAMBUTAN HARI PROFESION TEKNIKAL NEGARA
TAHUN 2023 (HPTN 2023)**

**5 DISEMBER 2023
DEWAN DAMAR SARI, PUTRAJAYA**

PENDAHULUAN

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia Madani.

1. Saya berasa syukur dan gembira kerana pada hari ini kita dapat bersama-sama untuk meraikan Majlis Sambutan Hari Profesional Teknikal Negara bagi Tahun 2023 yang bertemakan “Profesional Teknikal Pemacu Pembangunan Malaysia MADANI”
2. Saya mewakili semua yang berada di sini berasa amat terharu atas sokongan dan kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim di atas kesudian bersama-sama kita bagi merasmikan sambutan HPTN 2023 pada hari ini. Setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.
3. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan ucapan terima kasih dan tahniah, khususnya kepada Jawatankuasa Pengajur Hari Profesional Teknikal Negara (HPTN) 2023 atas komitmen tinggi yang tidak berbelah bahagi dalam merancang dan merealisasikan sambutan tahunan yang kita banggakan ini.
4. Tidak lupa juga kepada semua Rakan Strategik atas kepercayaan dan jalinan kerjasama yang utuh tidak kira sama ada di pihak Kementerian, Jabatan, Pertubuhan Profesional Teknikal, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA & IPTS) serta pelbagai organisasi luar dalam usaha untuk bersama-sama menjayakan sambutan HPTN pada tahun ini.

5. Hasil kerjasama dan kolaborasi yang baik antara semua pihak telah membolehkan kita berada di Dewan Damar Sari pada hari ini. Usaha dan kerja keras kalian amat saya hargai dan syabas diucapkan.

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan yang dihormati,

HPTN PLATFORM PROFESION TEKNIKAL BERPRESTIJ

6. Hari Profesion Teknikal Negara (HPTN) telah digazetkan sambutannya melalui Jemaah Menteri pada Oktober 2018. Lanjutan daripada itu, HPTN diperkenalkan buat julung kalinya pada Disember 2018 dimana ianya berjaya mengetengahkan pandangan, idea-idea berasas dan meningkatkan kesedaran akan kepentingan profesion teknikal dalam memacu pembangunan negara. Saya berasa amat gembira dan bersyukur, kerana pada tahun ini genaplah lima (5) tahun usia sambutan HPTN di Malaysia. Tahniah dan syabas saya ucapkan.
7. Untuk makluman, antara visi utama HPTN adalah untuk menjadi satu platform berprestij dalam usaha memartabatkan profesion teknikal demi kesejahteraan rakyat dan pemodenan negara. Sambutan HPTN turut disokong dengan enam (6) misi dan lapan (8) objektif yang mencakupi pelbagai elemen penting antaranya pengiktirafan, peranan dan penjenamaan.

8. Bagi menjayakan hasrat ini, Jawatankuasa HPTN menekankan peranan Profesional Teknikal dalam pembinaan negara bangsa (termasuk perpaduan dan integrasi), pembangunan negara dan perkhidmatan kepada masyarakat.
9. Umumnya dalam menjayakan HPTN, ia mencakupi penglibatan pelbagai cabang kerjaya teknikal. Antaranya:
 - i. Skim kejuruteraan: jurutera-jurutera pelbagai disiplin, juruukur, juruukur bahan, arkitek, jurureka dalaman, geologis
 - ii. Teknologis: juruteknik audio visual, juruanimasi, jurukimpal
 - iii. Multimedia dan komunikasi; pegawai teknologi maklumat, sains sosial,
 - iv. Pegawai akademik: pensyarah IPTA/IPTS, tenaga pengajar STEM dan TVET
 - v. Bidang kepakaran lain: perubatan, aero angkasa, meteorologi, maritim; dan
 - vi. Lain-lain berkaitan.
10. HPTN turut memberi peluang penyertaan kepada Rakan Strategik. Lebih membanggakan, HPTN 2023 telah menerima penyertaan seramai 90 Rakan Strategik yang secara amnya merangkumi pelbagai sektor dan industri. Rakan Strategik yang terlibat adalah terdiri daripada Rakan Pempamer, Rakan Penaja, Rakan Promosi, Rakan Penganjur Aktiviti serta Rakan Penceramah dan Peserta.
11. Sains dan teknologi kejuruteraan sentiasa berevolusi dari semasa ke semasa. Oleh itu, warga profesion teknikal semestinya sentiasa

berusaha untuk mengadaptasi perkembangan teknologi terkini melalui inovasi bagi mendorong pembangunan masa hadapan yang mampan dan lestari. Pada ketika ini, negara harus dipersiap untuk menghadapi perubahan yang pesat dan dalam masa sama, industri pembinaan perlu mencapai tahap produktiviti tinggi melalui penerapan teknologi baharu dan amalan moden yang cekap serta tenaga kerja berkemahiran tinggi.

12. Dengan ledakan daya cipta terkini dan perubahan untuk mempersiap siagakan negara menghadapi kerancakan industri 4.0, saya lihat HPTN sememangnya platform terbaik untuk kita mendidik dan memupuk generasi muda menceburi bidang sains dan STEM agar lebih ramai yang berminat dan memilih profesi teknikal sebagai cabang kerjaya mereka.
13. Justeru, bertepatan dengan tema HPTN iaitu “Profesi Teknikal Pemacu Pembangunan Malaysia MADANI” amat jelas membuktikan komitmen Kerajaan MADANI untuk melakukan anjakan baharu bagi memartabatkan profesi teknikal di samping memperkasa perkhidmatan awam dan pembangunan negara.

Hadirin yang dihormati,

DINAMIK BELANJAWAN 2024: MISI WAWASAN EKONOMI MADANI

14. Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai potensi besar untuk menuju ke arah ekonomi yang lebih dinamik. Dinamik itu bermaksud negara kita mampu maju ke hadapan sama sebagaimana

peneraju ekonomi Asia yang lain kerana kita mempunyai sumber utama yang diperlukan, yakni tenaga kerja berkelayakan dan rakyat yang berdaya saing selain atas ekonomi yang kukuh.

15. Semasa Penggulungan Perbahasan Belanjawan 2024, saya juga telah menyampaikan beberapa inisiatif untuk memastabatkan seterusnya mengadaptasi sokongan berlandaskan Kerangka Ekonomi MADANI antaranya:
 - i. Merancakkan digitalisasi sektor pembinaan bagi mempercepat penggunaan teknologi melalui Dasar Pembinaan Negara 2030 (NCP 2030);
 - ii. Menyokong hasrat merealisasikan aspirasi kerajaan dalam pelan tindakan utama Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Pelan Induk Teknologi Hijau (GTMP) dan Rangka Tindakan Mobiliti Rendah Karbon 2021-2030.
16. Ini merupakan usaha dan komitmen kerajaan yang prihatin terhadap keselamatan, serta menambah baik Infrastruktur demi kesejahteraan rakyat. Menerusi belanjawan, kementerian dan semua agensinya akan sentiasa berusaha membangunkan negara secara mampan dan secara tidak langsung, menyumbang kepada peningkatan peluang pekerjaan, pelaburan serta pertumbuhan ekonomi bagi meningkatkan taraf hidup rakyat.

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan yang dihormati,

PENGISIAN HPTN 2023

17. Untuk makluman semua, pelbagai aktiviti telah diadakan menuju ke acara kemuncak sambutan HPTN 2023, bagi menarik minat dan perhatian semua kelompok masyarakat terutamanya golongan belia untuk menceburi bidang profession teknikal di samping memeriahkan lagi sambutan kita pada hari ini. Antaranya adalah *Corporate Social Responsibility* (CSR), aktiviti di sekolah-sekolah dan institut pengajian tinggi, perkongsian ilmu melalui webinar dan FB live serta karnival kerjaya.
18. Saya turut difahamkan sepanjang dua (2) hari Acara Kemuncak Sambutan HPTN 2023 ini, pelbagai aktiviti menarik telah disusun rapi oleh pihak urus setia, antaranya slot bicara teknikal bersama tokoh-tokoh tersohor dan pakar industri, penyampaian Anugerah Tokoh, reruai pameran dan pemeriksaan kesihatan yang boleh disertai oleh semua yang berada di Dewan Damar Sari ini.
19. Saya juga yakin, para peserta tidak akan melepaskan peluang untuk mendapatkan manfaat melalui perkongsian ilmu dan *networking* memandangkan pelbagai disiplin, cabang teknikal dan segmen industri turut hadir pada hari ini.
20. Para pelajar yang berminat untuk memiliki kerjaya dalam bidang teknikal boleh mengambil pendedahan pada hari ini sebagai pengalaman pertama atau memupuk minat sebelum menceburi bidang ini di masa hadapan nanti.

PENUTUP

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

21. Saya percaya, dengan tercetusnya gabungan penyertaan serta kolaborasi daripada pelbagai pihak termasuk di peringkat kementerian, agensi-agensi kerajaan, badan-badan swasta, Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS), maka besarlah harapan saya sambutan HPTN pada kali ini mampu mencapai objektif yang digariskan bersempena pengjurannya.
22. Besarlah juga harapan saya agar HPTN akan terus menjadi pemacu yang bukan hanya terhad kepada perkembangan sains, matematik dan kejuruteraan, malah menjadi pemangkin dalam memperjuang dan memartabatkan para profesional teknikal atas sumbangan mereka di dalam bidang kerjaya yang diceburi, seterusnya membawa kepada kemajuan infrastruktur, pembangunan dan pemodenan negara.
23. Akhir kata, saya berharap sambutan Hari Profesional Teknikal Negara dapat diteruskan setiap tahun sebagai satu *benchmark* untuk menghargai sumbangan yang dicurahkan oleh warga profesion teknikal dalam agenda pembangunan negara.

Sekian, terima kasih.